



Antara produk kesihatan terlarang yang dirampas Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Melaka tahun lalu.



Mereka (pesalah) pandang rendah akta sedia ada kerana mampu bayar denda berikutan dapat untung besar”

Mazlan Ismail,
Timbalan Pengarah Cawangan Farmasi Forensik Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan



Syor hukuman lebih berat

B/H 01/03/2018 M/S 11

➔ Penjara, denda 10 kali ganda lebih tinggi dicadang dalam akta baharu

PENDAKWAAN MEMBABITKAN KESALAHAN MENGIKUT AKTA UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) 1956

Tahun	Kes didakwa	Disabitkan kesalahan	Jumlah denda
2016	77	50	RM 81, 200
2017	61	52	RM 71, 800



DEEN GRAFIK BH

duanya sekali bagi kesalahan pertama serta denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan berikutnya.

Jika akta baharu, denda sehingga 10 kali ganda lebih tinggi akan menyaksikan syarikat melakukan kesalahan boleh didenda

kepada pengeluar, pengedar, penjual ubat dan produk kesihatan yang melanggar peraturan,” katanya kepada BH.

Sambil menegaskan pihaknya sentiasa memantau penjualan produk farmaseutikal, terutama ubat bagi menjamin keselamatan pengguna, Mazlan

ling banyak didaftarkan, iaitu 12,299, diikuti makanan tambahan (1,076) dan produk veterinar (695), semuanya di bawah syarikat dan tiada pendaftaran diberi kepada individu.

Sementara itu, Mazlan berkata, pihaknya menyaring 4,046 iklan produk kesihatan dan ke-

Wujud badan khas kawal produk kesihatan

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran mewujudkan badan khas memantau prosedur operasi standard (SOP) penguatkuasaan bagi mengawal lambakan produk kesihatan dan kecantikan tidak berdaftar.

Ketua Aktivistis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, berkata SOP itu perlu kerana kebanyakan pengeluaran produk berkenaan gagal mematuhi peraturan ditetapkan, termasuk mendapatkan pengesahan Lembaga Iklan Ubat (LIU) Kementerian Kesihatan.

“Saya faham pihak berkuasa tidak boleh kawal semuanya sekali gus kerana jumlah industri produk kecantikan dan kesihatan sangat besar, selain beberapa kekangan lain. Sebab itu perlu satu kawalan dan diwujudkan badan khas yang boleh mengawal semua produk begini.

Oleh Rashiqah Ilmi Abd Rahim dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Hukuman lebih berat termasuk penjara dan denda

da 10 kali ganda lebih tinggi, dicadangkan dalam akta baharu bagi mengekang lambakan barangan produk kesihatan serta kosmetik tidak berdaftar dan tiruan di negara ini.

Penggubalan akta baharu dicadangkan Kementerian Kesihatan itu bagi menggantikan empat akta sedia ada berkaitan ubat, racun dan pendaftaran, iaitu Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952, Akta Pendaftaran Farmasi 1951 serta Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Ketika ini, syarikat yang melakukan kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 bagi kesalahan pertama dan RM100,000 untuk kesalahan seterusnya, namun tiada hukuman penjara. Individu pula boleh didenda sehingga RM25,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan RM50,000 atau penjara lima tahun kesalahan seterusnya.

Kesalahan mengikut Seksyen 5 Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 pula boleh didenda sehingga RM3,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-

da sehingga RM500,000 kesalahan pertama atau RM1 juta bagi kesalahan berikutnya, manakala individu boleh didenda sehingga RM250,000 kesalahan pertama dan RM500,000 untuk kesalahan seterusnya.

Cadangan dihantar ke Jabatan Peguam Negara

Timbalan Pengarah Cawangan Farmasi Forensik Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan, Mazlan Ismail, berkata cadangan akta baharu sudah dihantar ke Jabatan Peguam Negara dan dijangka dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat, tidak lama lagi.

Katanya, menerusi akta baharu yang lebih komprehensif, hukuman bagi pesalah ditingkatkan supaya pesalah tidak mengulangi kesalahan serta sebagai pengajaran pihak lain agar tidak melanggar peraturan.

“Mereka (pesalah) pandang rendah akta sedia ada kerana mampu bayar denda berikutan dapat untung besar jual produk tak berdaftar. Hukuman sedia ada juga tiada penalti khusus

berkata, produk itu perlu didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah Kementerian Kesihatan bagi menjamin mutu, keselamatan dan keberkesanannya.

Nilai rampasan RM75.3 juta

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, pihaknya merampas 43,207 produk kesihatan dan kecantikan tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dalam tempoh Januari hingga November lalu, membabitkan nilai rampasan RM75.3 juta.

Katanya, jumlah itu meningkat berbanding 39,207 produk bernilai RM54.9 juta yang dirampas pada 2016 kerana pelbagai kesalahan mengikut empat akta berkenaan.

Mengenai produk berdaftar dengan kementerian, beliau berkata, sehingga 15 Januari lalu, 23,837 produk masih berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, membabitkan 6,631 produk ubat terkawal dan 3,126 ubat bukan preskripsi.

Katanya, ubat tradisional na-

cantikan yang disiarkan di akbar, media elektronik dan internet, termasuk media sosial dalam tempoh Januari hingga Oktober 2017.

“Kami mengesan 21 kesalahan di media cetak, lapan kesalahan di media elektronik serta 34 kesalahan di laman web dan media sosial. Kesalahan sering dilakukan seperti iklan produk tanpa kelulusan Lembaga Iklan Ubat (LIU) dan produk untuk 20 jenis penyakit dilarang iklan mengikut Jadual 3, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

“Produk farmaseutikal diiklankan tanpa kelulusan LIU, melanggar Seksyen 4B Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, manakala Seksyen 3 akta sama memperuntukkan larangan pengiklanan untuk mendiagnos, mencegah atau merawat 20 jenis penyakit seperti dalam Jadual 3 akta terbabit,” katanya.

Justeru, Mazlan menasihatkan orang ramai supaya menyemak dahulu produk farmaseutikal yang diluluskan oleh LIU di laman web www.pharmacy.gov.my

Perlu diberi kuasa mengawal

“Badan khas itu perlu diberi kuasa mengawal dan mengeluarkan kebenaran. Ia boleh dianggotai beberapa kementerian berkaitan, memantau jika ada produk membahayakan dan tidak menepati kriteria dikeluarkan, selain mewajibkan setiap produk mempunyai sijil halal,” katanya.

Nadzim berkata, perkara itu sudah lama dipersoalkan, namun sehingga kini ia masih menjadi isu dan produk sedemikian semakin berleluasa dijual di pasaran.

“PPIM sering menerima aduan pengguna yang tertipu dengan produk terbabit selepas terpengaruh dengan iklan yang disiarkan, sama ada di media cetak, elektronik mahupun media sosial,” katanya.

Semakan *BH* di beberapa laman sosial mendapati beberapa produk kesihatan termasuk ubat melangsingkan badan dan ubat ‘kuat’ dijual tanpa kawalan menerusi pelbagai cara promosi, termasuk tawaran diskaun dan menggunakan selebriti.

Antara produk lain yang mendapat permintaan tinggi pengguna adalah produk memutihkan kulit dan melangsingkan badan.

Seorang peniaga yang enggan namanya disiarkan, berkata beliau menjual barangan berkenaan kerana pengguna gemar membeli produk murah tetapi mampu memberi kesan lebih pantas.